

05 MAR 1999

Mahathir-Sabah (Harris)

PINTU BN TERTUTUP BAGI HARRIS DAN PAIRIN

PAPAR, 5 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak akan bekerjasama dengan dua bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh dan Datuk Joseph Pairin Kitingan, yang kini mengetuai parti masing-masing menentang Barisan Nasional dalam pilihan raya negeri Sabah.

Katanya pintu BN tetap tertutup bagi parti Bersekutu pimpinan Harris dan bagi Parti Bersatu Sabah yang diketuai Pairin.

"Tidak ada jalan untuk Harris masuk BN," kata Dr Mahathir semasa berucap pada majlis pemimpin bersama rakyat di sini hari ini. Papar terletak 50 km ke selatan Kota Kinabalu.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata PBS pimpinan Pairin juga tidak akan diterima untuk menganggotai semula BN kerana mereka telahpun menikam BN dari belakang pada saat-saat akhir pada pilihan raya umum 1990.

"Bagaimana kita boleh kerja dengan orang yang telah tikam belakang kita dan sekarang mereka (PBS) berkata mereka akan bekerjasama dengan BN," katanya.

Beliau mahukan pengundi menolak Bersekutu dan PBS serta parti-parti pembangkang lain kerana mereka tidak mampu menubuhkan sebuah kerajaan yang kukuh dan stabil di Sabah.

"Kerajaan Persekutuan tidak dapat bekerjasama dengan kerajaan bukan BN," katanya.

Dr Mahathir berkata Pairin mendakwa PBS mempunyai cara tertentu untuk bekerjasama dengan BN dan kerajaan persekutuan jika parti itu berkuasa selepas pilihan raya 12 dan 13 Mac ini.

"Pairin mungkin ada cara tetapi BN dan kerajaan persekutuan tidak ada cara boleh bekerjasama dengan Pairin," katanya disambut tepukan gemuruh.

Mengenai Harris, Perdana Menteri mengaku bahawa bekas Ketua Menteri itu adalah kenalannya dan beliau menyifatkan Harris sebagai seorang yang sukar untuk bekerjasama.

"Harris tahu segala-galanya bila bercakap dengannya dan nak nasihatnya pun amat susah.

"Saya tahu dia (Harris) pandai tanam pokok dan tanam rotan, dengan itu lebih baik suruh dia tanam pokok, tanam rotan dan cari duit, daripada bertanding dalam pilihan raya.

"Percayalah, Harris dan Pairin tidak akan dapat menubuhkan kerajaan dan dengan itu tolak mereka dan parti-parti mereka...pangkah dacing kerana BN saja yang mampu dan boleh menubuh kerajaan yang kukuh dan saya janji kerajaan persekutuan akan terus membantu Sabah," katanya.

Mengenai PAS pula, Dr Mahathir berkata parti itu bertanding pada pilihan raya negeri semata-mata untuk menjatuhkan BN dan bukannya untuk menubuh sebuah kerajaan memandangkan parti itu meletakkan calon hanya di enam daripada 48 kerusi Dewan Undangan Negeri Sabah.

"PAS sanggup kerjasama dengan PBS di Sabah semata-mata hendak jatuhkan Umno dan di semenanjung Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat (Menteri Besar Kelantan yang juga Musyidul Am PAS) berkata PAS sanggup bekerjasama dengan syaitan untuk memenangi pilihan raya...bolehkah kita percaya orang macam ini?" katanya.

Katanya jika sanggup bekerjasama dengan syaitan sudah tentu parti itu bukanlah sebuah parti Islam tetapi memperalatkan Islam untuk kepentingan parti.

Dr Mahathir juga berkata pilihan raya bertujuan memilih sebuah parti

yang boleh menubuh sebuah kerajaan dan pilihan raya bukan untuk memilih seseorang atau memberi gelaran "yang terhormat" tetapi tidak dapat memberi khidmat kepada rakyat dan negeri.

"Sebab itulah BN bertanding di semua kawasan kerana BN mampu menubuhkan kerajaan dan mampu pula membawa pembangunan ke negeri ini," katanya.

PBS dan Bersekutu juga bertanding di semua kawasan tetapi jika mereka diberi mandat, mereka tidak dapat membangunkan negeri ini kerana "kita (kerajaan persekutuan) tidak akan bantu mereka."

-- BERNAMA

SJA MAI